



Menu ▼

Bisnes

Ekuinas suntik RM400j

Oleh Sri Ayu Kartika Amri

Kuala Lumpur: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) mengembangkan portfolionya apabila mengumumkan pelaburan bernilai RM400 juta dalam dua syarikat, Orkim Sdn Bhd (Orkim) and Coolblog Sdn Bhd (Coolblog).

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata, pelaburan bagi dua industri iaitu minyak dan gas serta makanan dan minuman itu memberi landasan kepada Ekuinas untuk membangunkan syarikat terbabit.

Katanya, Ekuinas melabur sebanyak RM346.3 juta untuk memperoleh sehingga 95.5 peratus kepentingan dalam Orkim, syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) yang terkemuka di Malaysia.

"Sebanyak RM50.8 juta lagi diperuntukkan untuk memperoleh kepentingan 60 peratus ekuiti dalam CoolBlog, syarikat francais pakar manisan dan minuman yang dibangunkan dalam negara.



RAJA Arshad Raja Tun Uda

"Pelaburan dalam Orkim menandakan pembabitan sulung Ekuinas dalam industri pengangkutan petroleum yang mempunyai ciri pertumbuhan industri menggalakkan terutamanya dalam pengangkutan Gas Petroleum Cecair, bidang yang kini dikuasai syarikat asing," katanya dalam kenyataan dikeluarkan.

Menurutnya, Ekuinas juga komited untuk mentransformasikan syarikat Malaysia bersaiz sederhana menjadi syarikat peneraju pasaran pada masa akan datang.

Beliau berkata, dengan dua pelaburan baru ini dan juga pelaburan yang dibuat oleh rakan Program Penyumberan Luar, Ekuinas melaksanakan pelaburan bernilai RM450.1 juta setakat ini bagi tahun kewangan 2014.

"Ini menjadikan jumlah pelaburan keseluruhan Ekuinas setakat ini sebanyak RM2.3 bilion dalam 28 syarikat dengan modal pelabur swasta, Ekuinas membantu kemasukan modal berjumlah RM2.8 bilion ke dalam ekonomi negara yang seterusnya memberi kesan positif kepada ekonomi Malaysia," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : 2014/08/22

DISYORKAN



Rezeki orang baru



4.500 bayi ganti mujahid gugur



'Biarlah orang nak kata apa'



Empat beranak terkesan nahas

Recommended by

DARI SELURUH LAMAN WEB

Apa Akibatnya Bila Tak Bayar Penuh Bil Kad Kredit Anda (iMoney)

Best Mamak Maggi Mee Goreng (HungryGoWhere)

Nasi Biryani Lembaga Tabung Haji (HungryGoWhere)

DNA shows 9 babies found in Bangkok have same father (Nikkei Asian Review)

Boeing 777 picked as new "Japanese Air Force One" (Nikkei Asian Review)

From Vikings To Brick Mansions: Composer Trevor Morris (Variety 411)

Recommended by

ARTIKEL LAIN

PNS latih 100 pemegang sijil francais

Tumbuh 2 kali ganda

Spritzer mahu teroka pasaran China

Algaetech bina kemudahan astaxanthin bernilai RM27j

Hubungi Kami

Team myMetro

HM ePaper

Versi Mobile

Versi Tablet

HM Twitter

HM Facebook

RSS Feed

